

SOALAN NO. 338**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN ER TECK HWA
[BAKRI]**

SOALAN :

YB Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah muflis (bankrap) dan mendapat pelepasan muflis bagi setiap negeri mengikut tahun 2013, 2014, 2015, 2016, dan 2017 mengikut jantina, umur dan bangsa.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl), jumlah kes kebangkrutan dari tahun 2013 hingga Mei 2017 ialah sebanyak 89,950 kes. Statistik mengikut tahun adalah seperti berikut:

| Cawangan | Tahun | | | | | Jumlah |
|-------------------------|-------|-------|-------|-------|-------|---------------|
| | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | |
| Wil. Persekutuan | 3,494 | 3,279 | 2,571 | 2,343 | 871 | 12,558 |
| Selangor | 6,594 | 6,668 | 4,977 | 4,354 | 1,860 | 24,453 |
| Johor Bahru | 2,892 | 2,699 | 2,210 | 2,070 | 1,014 | 10,885 |
| Ipoh | 1,235 | 847 | 553 | 987 | 527 | 4,149 |
| Pulau Pinang | 1,156 | 1,579 | 1,224 | 1,599 | 579 | 6,137 |
| Kedah | 923 | 1,076 | 1,136 | 592 | 60 | 3,787 |
| Muar | 492 | 580 | 608 | 477 | 223 | 2,380 |
| Kota Kinabalu | 427 | 567 | 598 | 683 | 281 | 2,556 |
| Kelantan | 486 | 597 | 581 | 768 | 323 | 2,755 |
| Melaka | 587 | 426 | 450 | 1,675 | 235 | 3,373 |
| Negeri Sembilan | 879 | 946 | 798 | 954 | 356 | 3,933 |
| Temerloh | 188 | 155 | 188 | 260 | 145 | 936 |

| Cawangan | Tahun | | | | | Jumlah |
|-------------------|---------------|---------------|---------------|---------------|--------------|---------------|
| | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | |
| Kuantan | 386 | 534 | 454 | 524 | 176 | 2,074 |
| Kuching | 803 | 706 | 540 | 483 | 150 | 2,682 |
| Terengganu | 427 | 388 | 371 | 514 | 245 | 1,945 |
| Miri | 306 | 350 | 329 | 360 | 135 | 1,480 |
| Sibu | 179 | 253 | 197 | 184 | 57 | 870 |
| Taiping | 247 | 277 | 226 | 235 | 107 | 1,092 |
| Tawau | 99 | 226 | 238 | 248 | 104 | 915 |
| Sandakan | 101 | 129 | 117 | 170 | 69 | 586 |
| Perlis | 86 | 69 | 91 | 108 | 50 | 404 |
| Jumlah | 21,987 | 22,351 | 18,457 | 19,588 | 7,567 | 89,950 |

Mdl turut membantu dalam aspek pentadbiran kes kebangkrapan supaya bankrap boleh keluar daripada kebangkrapan dengan cepat dan diberi peluang kedua. Pada masa kini, Akta Kebankrapan 1967 [Akta 360] telah memperuntukkan beberapa cara untuk seseorang bankrap untuk keluar dari kebangkrapannya iaitu:

- (i) pelepasan oleh mahkamah di bawah seksyen 33 Akta 360;
- (ii) pelepasan melalui sijil Ketua Pengarah Insolvensi di bawah seksyen 33A Akta 360;
- (iii) pembatalan di bawah seksyen 105 Akta 360; dan

(iv) komposisi (*composition*) atau skim penyusunan (*scheme of arrangement*) hutang di bawah seksyen 26 Akta 360.

Berdasarkan rekod Mdl, jumlah kes kebangkrapan yang telah mendapat pelepasan dan pembatalan bagi tempoh 2013 hingga Mei 2017 ialah sebanyak **38,887 kes (43.2%)** dan pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

| Cawangan | Tahun | | | | | Jumlah |
|-------------------------|-------|-------|-------|-------|-------|---------------|
| | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | |
| Wil. Persekutuan | 3,272 | 2,435 | 1,399 | 2,407 | 1,005 | 10,518 |
| Selangor | 2,201 | 1,036 | 939 | 2,083 | 619 | 6,878 |
| Johor Bahru | 739 | 340 | 445 | 502 | 711 | 2,737 |
| Ipoh | 397 | 151 | 132 | 128 | 434 | 1,242 |
| Pulau Pinang | 412 | 754 | 266 | 205 | 188 | 1,825 |
| Kedah | 293 | 668 | 345 | 195 | 192 | 1,693 |
| Muar | 777 | 1,326 | 664 | 97 | 68 | 2,932 |
| Kota Kinabalu | 101 | 303 | 288 | 192 | 84 | 968 |
| Kelantan | 676 | 563 | 52 | 279 | 289 | 1,859 |
| Melaka | 251 | 338 | 951 | 62 | 26 | 1,628 |
| Negeri Sembilan | 1,435 | 322 | 81 | 96 | 46 | 1,980 |
| Temerloh | 297 | 136 | 137 | 90 | 71 | 731 |
| Kuantan | 174 | 278 | 88 | 100 | 112 | 752 |

| Cawangan | Tahun | | | | | Jumlah |
|---------------|---------------|--------------|--------------|--------------|--------------|---------------|
| | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | |
| Kuching | 149 | 199 | 96 | 106 | 69 | 619 |
| Terengganu | 367 | 263 | 80 | 107 | 107 | 924 |
| Miri | 71 | 406 | 55 | 62 | 18 | 612 |
| Taiping | 32 | 52 | 25 | 34 | 33 | 176 |
| Sibu | 37 | 37 | 28 | 36 | 42 | 180 |
| Tawau | 101 | 74 | 34 | 83 | 11 | 303 |
| Sandakan | 55 | 61 | 39 | 23 | 7 | 185 |
| Perlis | 34 | 45 | 31 | 31 | 4 | 145 |
| Jumlah | 11,871 | 9,787 | 6,175 | 6,918 | 4,136 | 38,887 |

Statistik Pelepasan oleh mahkamah di bawah Seksyen 33 Akta 360 adalah seperti berikut:

| Cawangan | Tahun | | | | | Jumlah |
|------------------|-------|------|------|------|------|--------|
| | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | |
| Wil. Persekutuan | 39 | 54 | 63 | 114 | 25 | 295 |
| Selangor | 8 | 1 | 0 | 1 | 0 | 10 |
| Johor Bahru | 12 | 46 | 7 | 5 | 86 | 156 |

| Cawangan | Tahun | | | | | Jumlah |
|------------------------|------------|------------|------------|------------|------------|--------------|
| | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | |
| Ipoh | 49 | 31 | 22 | 11 | 2 | 115 |
| Pulau Pinang | 22 | 37 | 13 | 12 | 4 | 88 |
| Kedah | 2 | 3 | 0 | 0 | 0 | 5 |
| Muar | 5 | 2 | 0 | 5 | 3 | 15 |
| Kota Kinabalu | 9 | 13 | 12 | 12 | 5 | 51 |
| Kelantan | 10 | 6 | 16 | 31 | 8 | 71 |
| Melaka | 2 | 6 | 2 | 1 | 1 | 12 |
| Negeri Sembilan | 35 | 14 | 13 | 2 | 3 | 67 |
| Temerloh | 1 | 0 | 4 | 12 | 0 | 17 |
| Kuantan | 3 | 10 | 0 | 1 | 0 | 14 |
| Kuching | 0 | 3 | 0 | 0 | 1 | 4 |
| Terengganu | 31 | 18 | 42 | 40 | 18 | 149 |
| Miri | 0 | 144 | 0 | 0 | 0 | 144 |
| Taiping | 5 | 3 | 3 | 2 | 0 | 13 |
| Sibu | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 |
| Tawau | 18 | 11 | 17 | 12 | 4 | 62 |
| Sandakan | 3 | 5 | 4 | 3 | 2 | 17 |
| Perlis | 3 | 1 | 2 | 0 | 0 | 6 |
| Jumlah | 258 | 408 | 220 | 264 | 162 | 1 312 |

Statistik Pelepasan melalui sijil Ketua Pengarah Insolvensi di bawah Seksyen 33A Akta 360 adalah seperti berikut:

| Cawangan | Tahun | | | | | Jumlah |
|-------------------------|-------|-------|-------|-------|------|--------------|
| | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | |
| Wil. Persekutuan | 2,854 | 2,051 | 1,053 | 2,046 | 862 | 8,866 |
| Selangor | 1,356 | 276 | 70 | 1,304 | 173 | 3,179 |
| Johor Bahru | 377 | 0 | 141 | 89 | 448 | 1,055 |
| Ipoh | 229 | 0 | 0 | 1 | 408 | 638 |
| Pulau Pinang | 248 | 545 | 38 | 14 | 99 | 944 |
| Kedah | 190 | 545 | 245 | 84 | 144 | 1,208 |
| Muar | 662 | 1,275 | 594 | 26 | 35 | 2,592 |
| Kota Kinabalu | 17 | 201 | 180 | 101 | 51 | 550 |
| Kelantan | 594 | 513 | 1 | 196 | 249 | 1,553 |
| Melaka | 183 | 266 | 898 | 14 | 8 | 1,369 |
| Negeri Sembilan | 1,334 | 224 | 0 | 31 | 19 | 1,608 |
| Temerloh | 263 | 120 | 113 | 65 | 61 | 622 |
| Kuantan | 129 | 213 | 23 | 15 | 81 | 461 |
| Kuching | 48 | 105 | 20 | 38 | 34 | 245 |
| Terengganu | 315 | 223 | 19 | 58 | 83 | 698 |

| Cawangan | Tahun | | | | | Jumlah |
|---------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|---------------|
| | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | |
| Miri | 17 | 219 | 8 | 7 | 0 | 251 |
| Taiping | 0 | 23 | 0 | 0 | 15 | 38 |
| Sibu | 8 | 3 | 0 | 12 | 33 | 56 |
| Tawau | 54 | 52 | 4 | 59 | 1 | 170 |
| Sandakan | 37 | 41 | 21 | 7 | 0 | 106 |
| Perlis | 20 | 40 | 16 | 19 | 1 | 96 |
| Jumlah | 8,935 | 6,935 | 3,444 | 4,186 | 2,805 | 26,305 |

Statistik Pembatalan di bawah Seksyen 105 Akta 360 adalah seperti berikut:

| Cawangan | Tahun | | | | | Jumlah |
|------------------|-------|------|------|------|------|--------|
| | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | |
| Wil. Persekutuan | 379 | 330 | 283 | 247 | 118 | 1,357 |
| Selangor | 837 | 759 | 869 | 778 | 446 | 3,689 |
| Johor Bahru | 350 | 294 | 297 | 408 | 177 | 1,526 |
| Ipoh | 119 | 120 | 110 | 116 | 24 | 489 |
| Pulau Pinang | 142 | 172 | 215 | 179 | 85 | 793 |
| Kedah | 101 | 120 | 100 | 111 | 48 | 480 |
| Muar | 110 | 49 | 70 | 66 | 30 | 325 |

| Cawangan | Tahun | | | | | Jumlah |
|------------------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|---------------|
| | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | |
| Kota Kinabalu | 75 | 89 | 96 | 79 | 28 | 367 |
| Kelantan | 72 | 44 | 35 | 52 | 32 | 235 |
| Melaka | 66 | 66 | 51 | 47 | 17 | 247 |
| Negeri Sembilan | 66 | 84 | 68 | 63 | 24 | 305 |
| Temerloh | 33 | 16 | 20 | 13 | 10 | 92 |
| Kuantan | 42 | 55 | 65 | 84 | 31 | 277 |
| Kuching | 101 | 91 | 76 | 68 | 34 | 370 |
| Terengganu | 21 | 22 | 19 | 9 | 6 | 77 |
| Miri | 54 | 43 | 47 | 55 | 18 | 217 |
| Taiping | 27 | 26 | 22 | 32 | 18 | 125 |
| Sibu | 28 | 34 | 28 | 24 | 9 | 123 |
| Tawau | 29 | 11 | 13 | 12 | 6 | 71 |
| Sandakan | 15 | 15 | 14 | 13 | 5 | 62 |
| Perlis | 11 | 4 | 13 | 12 | 3 | 43 |
| Jumlah | 2,678 | 2,444 | 2,511 | 2,468 | 1,169 | 11,270 |

Untuk makluman, tiada pelepasan direkodkan di bawah Seksyen 26 Akta 360. Selain itu, Mdl tidak mempunyai statistik bankrap yang mendapat pelepasan mufliis bagi mengikut jantina, umur dan bangsa.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN ER TECK HWA
SOALAN : NO. 339

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan memberikan tarikh tepat Hab Pendidikan Pagoh, Muar, Johor akan beroperasi dan akan menerima berapa siswa dan siswi warganegara dan luar negara, seterusnya berapa pensyarah tempatan dan luar negara berkhidmat di sana.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Hab Pendidikan Tinggi Pagoh (HPTP) yang memusatkan pengoperasian tiga universiti awam dan satu politeknik iaitu Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Pusat Penyelidikan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Politeknik Tun Syed Nasir (PTSN) telah siap pada 1 Mei 2017 dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada September 2017.

Kapasiti keseluruhan pelajar di HPTP adalah seramai 10,800 orang pelajar dengan perincian melibatkan UTHM seramai 5,000 pelajar, UIAM seramai 2,000 orang pelajar, UTM seramai 200 orang pelajar dan PTSN seramai 3,600 orang pelajar.

Pada masa kini, PTSN telah memulakan operasi di HPTP pada 22 Mei 2017 yang melibatkan sejumlah 163 orang pelajar program Diploma Teknologi Petrokimia dan 160 orang pelajar Diploma Teknologi Makanan dengan bilangan pensyarah sejumlah 44 orang.

RT19/340

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS : TUAN SIM TZE TZIN
DARIPADA [BAYAN BARU]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan:-

- (a) dari tahun 2000 hingga 2016, bilangan graduan lepasan Program Matrikulasi KPM setiap tahun; dan
- (b) bilangan pelajar Program Matrikulasi KPM yang mendapat keputusan cemerlang iaitu PNGK/CGPA 4.0 sejak tahun 2000 hingga 2016 setiap tahun.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Seramai 9,000 hingga 23,000 murid telah berjaya menamatkan pengajian pada setiap sesi pengajian dari tahun 2000 hingga 2016. Sejak penubuhan Kolej Matrikulasi sehingga tahun 2016, seramai 290,061 lepasan matrikulasi telah berjaya mengikuti pengajian di peringkat ijazah sarjana muda dalam pelbagai fakulti bukan sahaja di dalam negara, malah di beberapa universiti berprestij luar negara. Ini menunjukkan keyakinan ibu bapa dan masyarakat amnya terhadap kualiti dan hala tuju pelajar yang dihasilkan melalui program ini.

- (b) Berdasarkan rekod, sebanyak 0.20 hingga 12 peratus murid yang mengikuti pengajian di Program Matrikulasi KPM telah berjaya mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 4.00 dari tahun 2000 hingga 2016.

RT19/340

NO. SOALAN: 341

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN ER TCK HWA

TARIKH :

RUJUKAN : 10121

SOALAN :

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah warga luar negara yang memegang jawatan di agensi kerajaan, GLC dan swasta mengikut tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan 2017 mengikut negara, jantina dan bidang perkhidmatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, jumlah Pemegang Pas Penggajian yang aktif dari tahun 2013 sehingga tahun 2017 adalah sejumlah 151,757 orang. Jumlah tersebut boleh dibahagikan mengikut pecahan negara seperti berikut:

| | | | |
|--------------|-----------------------|----------|---------------------|
| i. | Bangladesh | - | 52,902 orang |
| ii. | India | - | 24,546 orang |
| iii. | China | - | 12,613 orang |
| iv. | Filipina | - | 8,104 orang |
| v. | Jepun | - | 7,914 orang |
| vi. | Indonesia | - | 6,498 orang |
| vii. | United Kingdom | - | 4,580 orang |
| viii. | Lain-lain | - | 34,600 orang |

Bilangan pemegang Pas Penggajian yang sah mengikut pecahan sektor dari tahun 2013 sehingga tahun 2017 adalah seperti berikut:

| | | | |
|-------------|----------------------------------|----------|---------------------|
| i. | Sektor perkhidmatan | - | 71,403 orang |
| ii. | Sektor teknologi maklumat | - | 30,545 orang |
| iii. | Sektor pembinaan | - | 24,684 orang |
| iv. | Sektor pembuatan | - | 18,769 orang |
| v. | Sektor petroleum | - | 2,518 orang |
| vi. | Sektor pendidikan | - | 2,032 orang |
| vii. | Lain-lain | - | 1,806 orang |